

KOSMO! SABTU 29 APRIL 2017

NEGARA! 19



ABDUL FATTAH (dua dari kiri) menerima borang maklum balas daripada ahli Angkasa ketika mengadakan pertemuan dengan koperasi kredit di Petaling Jaya semalam.

## Angkasa mahu kerajaan tangguh sekatan bayaran potongan gaji maksimum

PETALING JAYA – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mahu kerajaan menangguhkan serta-merta sekatan bayaran potongan gaji sehingga 60 peratus daripada jumlah gaji kasar penjawat awam.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya akan menghantar memorandum resolusi mengenai perkara itu Isnin ini.

“Dalam hal ini, kera-

jaan perlu mengambil kira peranan pemain industri terutamanya koperasi kerana pelaksanaannya yang tergesa-gesa memberi impak kepada penjawat awam.

“Antara kesannya, penjawat awam berdepan dengan tindakan perundangan sekiranya tidak mampu untuk melangsangkan pinjaman yang dibuat melalui agensi perbankan,” katanya.

Beliau ditemui ketika

hadir pada sesi perbincangan mengenai pelaksanaan sekatan bayaran bersama 360 koperasi sektor kredit Angkasa di Wisma Ungku Aziz di sini.

Pada 20 April lalu, Jabatan Akauntan Negara melaksanakan sekatan bayaran potongan gaji penjawat awam sehingga maksimum 60 peratus daripada jumlah gaji kasar bagi menangani masalah keberhutangan penjawat awam.

Menurut Abdul Fattah, penjawat awam juga berpotensi untuk membuat pinjaman ah long sekiranya berdepan dengan tekanan bebanan hutang.

“Kita boleh melaksanakan langkah itu sekiranya kerajaan mewujudkan sebuah agensi kawalan berpusat untuk mengawal had maksimum 60 peratus sebelum agensi perbankan lain memberikan pinjaman kepada penjawat awam,” katanya.

Perpustakaan Koperasi Malaysia